



23 Disember 2021
23 December 2021
P.U. (B) 682

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

**NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD AFIRMATIF
PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN BERKENAAN
DENGAN IMPORT DAWAI KELULI BERLEMBAR BAGI
KONKRIT PRATEGASAN YANG BERASAL ATAU
DIEKSPORT DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA**

***NOTICE OF AFFIRMATIVE FINAL DETERMINATION
OF AN ANTI-DUMPING DUTY INVESTIGATION
WITH REGARD TO THE IMPORTS OF STRANDED STEEL
WIRES FOR PRESTRESSING CONCRETE ORIGINATING OR
EXPORTED FROM THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA***

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD AFIRMATIF
PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN BERKENAAN DENGAN IMPORT
DAWAI KELULI BERLEMBAR BAGI KONKRIT PRATEGASAN
YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA

(AD 01/21)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 25(4)(a) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*] dan peraturan 15 Peraturan-Peraturan Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1994 [*P.U. (A) 233/1994*], Kerajaan telah membuat penentuan muktamad di bawah subseksyen 25(1) Akta bahawa—

- (a) suatu margin lambakan wujud berkenaan dengan import dawai keluli berlembar bagi konkrit prategasan yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7312.10.91 00 (“dagangan subjek”) yang berasal atau dieksport dari Republik Rakyat China; dan
- (b) kemudatan didapati wujud kerana industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa telah mengalami kemudatan material disebabkan oleh pengimportan dagangan subjek ke dalam Malaysia.

Butiran yang berhubung dengan margin lambakan

2. Butiran yang berhubung dengan margin lambakan berkenaan dengan import dagangan subjek yang berasal atau dieksport dari Republik Rakyat China yang didapati daripada proses penentuan muktamad afirmatif adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Sebab-sebab bagi penentuan muktamad afirmatif

3. Sebab bagi penentuan muktamad afirmatif adalah seperti berikut:

- (a) harga eksport dagangan subjek adalah kurang daripada nilai normalnya;

- (b) industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa telah mengalami kemudatan material yang boleh dengan semunasabahnya dikaitkan dengan pengimportan dagangan subjek ke dalam Malaysia; dan
- (c) margin lambakan didapati wujud melalui kegiatan lambakan oleh pengeluar atau pengeksport dari Republik Rakyat China sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Duti anti-lambakan

4. Duti anti-lambakan yang akan dikenakan kepada pengeluar atau pengeksport yang dinyatakan dalam Jadual Pertama hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

Sebab bagi pengenaan duti anti-lambakan

5. Sebab bagi pengenaan duti anti-lambakan di bawah perenggan 4 adalah untuk mencegah kemudatan kepada industri dalam negeri di Malaysia yang mengeluarkan keluaran serupa.

Tempoh pengenaan duti anti-lambakan

6. Duti anti-lambakan yang dikenakan di bawah perenggan 4 hendaklah terpakai bagi tempoh lima tahun mulai 25 Disember 2021 hingga 24 Disember 2026.

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993

NOTICE OF AFFIRMATIVE FINAL DETERMINATION OF AN ANTI-DUMPING DUTY
INVESTIGATION WITH REGARD TO THE IMPORTS OF
STRANDED STEEL WIRES FOR PRESTRESSING CONCRETE
ORIGINATING OR EXPORTED FROM THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA

(AD 01/21)

IN exercise of the powers conferred by paragraph 25(4)(a) of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*] and regulation 15 of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Regulations 1994 [*P.U.(A) 233/1994*], the Government has made a final determination under subsection 25(1) of the Act that—

- (a) a dumping margin exists with regard to the imports of stranded steel wires for prestressing concrete classified under the Harmonised System Code (H.S. Code) and ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature (AHTN) 7312.10.91 00 (“subject merchandise”) originating or exported from the People’s Republic of China; and
- (b) an injury is found to exist because the domestic industry in Malaysia producing the like product has suffered material injury by reason of the importation of the subject merchandise into Malaysia.

Particulars relating to dumping margin

2. The particulars relating to the dumping margin with regard to the imports of the subject merchandise originating or exported from the People’s Republic of China which were found from the affirmative final determination process are as specified in the First Schedule .

Reasons for affirmative final determination

3. The reasons for the affirmative final determination are as follows:

- (a) the export price of the subject merchandise is less than its normal value;

- (b)* the domestic industry in Malaysia producing the like product has suffered material injury that can be reasonably linked to the importation of the subject merchandise into Malaysia; and
- (c)* the dumping margin is found to exist through the dumping activities by the producers or exporters from the People's Republic of China as specified in the First Schedule .

Anti-dumping duties

- 4. The anti-dumping duties to be imposed on producers or exporters specified in the First Schedule shall be as specified in the Second Schedule .

Reason for imposition of anti-dumping duties

- 5. The reason for the imposition of anti-dumping duties under paragraph 4 is to prevent the injury to the domestic industry in Malaysia producing the like product.

Period of imposition of anti-dumping duties

- 6. The anti-dumping duties imposed under paragraph 4 shall apply for a period of five years from 25 December 2021 to 24 December 2026.

JADUAL PERTAMA/*FIRST SCHEDULE*[Perenggan 2, 3 dan 4/*Paragraphs 2, 3 and 4*]MARGIN LAMBAKAN OLEH PENGELUAR ATAU PENGEKSSPORT/
DUMPING MARGIN BY PRODUCERS OR EXPORTERS

Negara/ <i>Country</i>	Pengeluar/Pengeksport/ <i>Producers/Exporters</i>	Margin Lambakan/ <i>Dumping Margin</i>
Republik Rakyat China/ <i>The People's Republic of China</i>	Silvery Dragon Prestressed Materials Co., Ltd. Tianjin	9.47%
	Tianjin Dalu Steel Strand For Prestressed Co., Ltd.	2.09%
	Lain-lain/ <i>Others</i>	21.72%

JADUAL KEDUA/*SECOND SCHEDULE*[Perenggan 4/*Paragraph 4*]DUTI ANTI-LAMBAKAN/*ANTI-DUMPING DUTIES*

Negara/ <i>Country</i>	Pengeluar/Pengeksport/ <i>Producers/Exporters</i>	Kadar Duti [Peratusan (%) daripada Nilai Kos, Insurans dan Tambang (KIT)]/ <i>Rate of Duty (Percentage (%) of the Cost, Insurance and Freight (CIF) Value)</i>
Republik Rakyat China/ <i>The People's Republic of China</i>	Silvery Dragon Prestressed Materials Co., Ltd. Tianjin	9.47%
	Tianjin Dalu Steel Strand For Prestressed Co., Ltd.	2.09%
	Lain-lain/ <i>Others</i>	21.72%

Bertarikh 13 Disember 2021

Dated 13 December 2021

[MITI.S:600-2/2/15; PN(PU2)529/Jld. 30]

DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI

*Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri/
Senior Minister of International Trade and Industry*